

13 OCT 2002

Mahathir-Sabah

KEMENANGAN BESAR BUKTI RAKYAT PERCAYA DENGAN BN, KATA PM

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Parlimen Gaya hari ini membuktikan rakyat masih percaya kepada kerajaan pimpinan BN, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya yakin rakyat masih percaya pada pimpinan BN sebab itu mereka memberi undi yang bertambah," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis makan malam Bajet 2003 di Kompleks Kementerian Kewangan di sini malam ini.

Dr Mahathir yakin majoriti akan lebih besar jika lebih ramai pengundi keluar mengundi.

BN mengekalkan kerusi itu dengan majoriti 11,923 undi, hampir tiga kali ganda berbanding pilihan raya umum 1999 apabila calonnya Liew Teck Chan, 54, mendapat 15,639 undi menewaskan Hiew King Cheu dari DAP yang mendapat 3,716 undi dan Christina Liew, 50, dari Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang memperolehi 2,613 undi.

Dr Mahathir berkata keputusan pilihan raya kecil itu juga menunjukkan penduduk Gaya memang sokong BN, dan "soal teknikal, soal poster, tak sign betul-betul itu, semua bukan menentukan menang kalah."

Mengenai kenyataan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa 30 peratus pengundi yang tersenarai dalam daftar pengundi didapati tidak berada di rumah ketika jentera pilihan raya BN cuba untuk membawa mereka ke tempat pengundian hari ini, Dr Mahathir berkata perkara tersebut perlu diperiksa.

Beliau berkata mungkin para pengundi itu berada di Semenanjung atau tempat lain dan kemungkinan pengundi berpendapat tanpa undi mereka pun BN boleh menang.

Mengenai peratusan mengundi yang jauh merosot iaitu 44.73 peratus berbanding 58.14 peratus pada 1999, Dr Mahathir berkata: "Saya sangka ramai yang tidak keluar kerana mereka sangka ini bukan satu pertandingan sebab percaya BN tetap menang dan mereka tidak ambil berat tentang mengundi."

Mengenai kenyataan Abdullah yang menganggap pilihan raya itu bersih, Dr Mahathir berkata ia mungkin disebabkan PAS tidak bertanding.

"Bila ada PAS, macam-macam fitnah yang dilemparkan tetapi dia tak ada di situ bertanding jadi legalah sikit," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga memuji Parti Bersatu Sabah (PBS) yang disifatkan sebagai "betul-betul" menyertai BN kerana beliau yakin ramai daripada majoriti yang mengundi adalah penyokong PBS.

Ditanya adakah kemenangan itu sebagai pertanda Sabah kubu kuat BN dalam pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata: "Nampak begitulah,"

Sementara itu ketika berucap pada majlis tersebut, Perdana Menteri berkata pengurusan cekap kewangan negara telah membolehkan pendapatan negara bertambah dan seterusnya memungkinkan bajet yang lebih besar diperkenalkan tahun depan.

Katanya, belanjawan besar seperti itu tidak mungkin berlaku jika pengurusan kewangan negara tidak cekap.

"Kita tahu bahawa walaupun perbelanjaan kita meningkat, ia mengikut perolehan negara. Ini bermakna kita berjaya kutip segala cukai...dengan itu kita mempunyai wang yang cukup untuk mengadakan bajet yang besar," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengakui terdapat amalan rasuah di negara ini namun ia tidak begitu ketara berbanding negara-negara lain.

"Ada negara kutipan income tax hasil tawar menawar antara orang yang nak bayar dengan pegawai. Entah macam mana dan apa prinsip yang digunakan tak tahulah," katanya.

Katanya, di Malaysia keadaan adalah lebih baik terutamanya sejak penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang membolehkan proses pungutan cukai lebih cekap.

"Ini bermakna kecekapan minat, keikhlasan dan dedikasi pegawai-pegawai tetap ada dan tidak semuanya mengamalkan korupsi," tambahnya.

-- BERNAMA
SNS ZMN MOZ